

## BAB:1

### SEJARAH KEDATANGAN DAN KEGIATAN POLITIK ORANG INDIA DI TANAH MELAYU

Bahan arkeologi<sup>1</sup> yang dijumpai di Harappa dan Mohenjo-Daro, India Utara membuktikan Tamadun Indus telah memperkenalkan satu kumpulan manusia yang dikenali sebagai ‘Dravadian’. Mereka bukanlah penduduk pribumi Lembah Indus dan dipercayai berasal daripada kumpulan ‘Mediterranean’ (atau paleo-Mediterranean),<sup>2</sup> yang tiba ke India sebelum 3500 tahun sebelum masihi. Pada 2500 S.M., peradaban di Lembah Indus mulai merosot akibat pencerobohan orang Aryan<sup>3</sup> yang membentuk budaya Indo-Arya. Orang Arya yang bertanggungjawab memperkenalkan system ‘Varnas’<sup>4</sup> dan bahasa Sanskrit dalam budaya orang Hindu. Satu fenomena sejarah yang tidak dapat dinafikan adalah kedatangan Arya telah menyebabkan orang Dravida berhijrah ke Selatan India<sup>5</sup> dan kemudiannya, membentuk kerajaan di India Selatan.

---

<sup>1</sup> Tulisan berbentuk piktografik yang dikenalpasti sebagai tulisan Dravida kuno.

<sup>2</sup> “Khosis, Nicobarese, Dravidians, Kols and Santhals belong to this race ... fairly long head, oval nose, curly hair, slightly protruding jaws, straight and full lips”. Shiv Chand dan A.N. Kapoor, **People and Population of India**, Shiv Chand, Delhi-6, 1957, hlm. 24.

<sup>3</sup> “Aryans originated in some central place (of central Asia, South Russia or Eastern Europe) and spread outwards from there ... the Indo-European dialects being their distinguishing hall mark”. S.B. Roy, **Early Aryans of India (3100-1400 B.C.)**, Mrs. Nirmal Sangal for Navrangs RB-7 Inderpuri, New Delhi 10012, 1989, hlm. 12.

<sup>4</sup> Sistem Varnas adalah pembahagian kelas masyarakat mengikut kategori ekonomi. Empat kelas di bawah sistem ini, mengikut hirerki adalah Brahmin (pendidik), Satria (pahlawan), Vaisya (petani) dan Sudra (rakyat biasa). Sistem ini bertambah kuat sehingga membentuk berpuluh-puluh suku bangsa dan lebih dikenali sebagai sistem kasta.*Ibid.*

<sup>5</sup> John P. Marr, “The Early Dravidians” dalam A.L. Basham (ed.), **A Cultural History of India**, Oxford University Press, 1975, hlm. 31.

Kerajaan India Selatan inilah kemudian telah menjalankan perdagangan dengan politi-politi di Asia Tenggara. Misalnya, Kerajaan Chola telahpun menjalankan perdagangan dengan kerajaan Kedah Tua dan menurut inskripsi Chola, nama kerajaan Kedah Tua telah dicatatkan sebagai 'Kadaram'.<sup>6</sup>

Sebuah teks bahasa Pali (awal abad pertama tahun masih) yang ditulis oleh Niddesa telah mencatatkan Funan sebagai kerajaan Hindu pertama di Asia Tenggara. Boleh dikatakan tidak ada bukti arkeologi atau dokumen epigrafi atau sumber asing yang lebih awal daripada catatan Niddesa.<sup>7</sup> Menurut G. Coedes, kerajaan-kerajaan selatan India telah memainkan peranan penting dalam membentuk kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara. Monumen kuil Angkor Wat di Funan membuktikan hubungan awal yang terbentuk adalah untuk menyebarkan agama Hindu.

Di Sememajung Malaysia, Langkasuka (Timur-Laut Thailand) merupakan kerajaan pertama mendapat pengaruh Hindu.<sup>8</sup> Menurut data arkeologi lagi, politi-politi Hindu telah diasaskan di Kedah pada abad ke-4 S.M. Artifak-artifak India yang dijumpai di pelabuhan pantai Kedah, muara Sg. Bujang, Sg. Merbok dan Kuala Muda membuktikan kerajaan awal Hindu menjadi tempat penyebaran ajaran-ajaran 'Saivism'.

---

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> G. Coedes, **The Indianized States of South East Asia** (English Edition), East-West Center Press, University of Hawaii, 1968, him. 16.

<sup>8</sup> Langkasuka is the 'Lang-ya hsiu' of the Chinese history of the Liang dynasty (A.P. 502-56) which says that the state had been founded in the second century. Victor Purcell, **Malaysia**, Walker and Co., New York, 1965, hlm. 15.

(pengikut Tuhan Siva) dan ‘Vaisnavisme’(pengikut Tuhan Vishnu). Perkembangan kedua-dua mazhab Hindu ini mulai merosot pada abad ke -7 dengan penyebaran ajaran-ajaran Buddha. Dengan terjumpanya tulisan ‘Pallava Grantha’(Pali) dalam inskripsi Kedah Tua membuktikan pedagang-pedagang turut menyebarluaskan agama Buddha.<sup>9</sup> Cerita-cerita Jataka zaman Buddha menggelar Tanah Melayu sebagai ‘*Suvarnabumi*’, manakala epik Ramayana pula menamakannya sebagai ‘*Swarna Dvipa*’. Ptolemy dalam bukunya, **The Geographyca** menyatakan *Golden Chersonese* itu sebagai Semenanjung Tanah Melayu dan kemunculannya dijangka pada 150-160 tahun selepas masihi.<sup>10</sup>

Hubungan antara kerajaan India, khasnya India Selatan dengan Asia Tenggara wujud sejak abad pertama tahun masihi lagi, manakala dengan Semenanjung Tanah Melayu adalah pada abad ke-2 S.M. Hubungan awal berdasarkan kepada penyebaran agama Hindu kemudian Hindu-Buddha melalui aktiviti perdagangan. Pengaruh agama Hindu-Buddha di Asia Tenggara mula lenyap dengan penyebaran agama Islam pada abad ke 12 dan 13 S.M. Kemerosotan kerajaan Hindu-Buddha yang termashyur di Asia Tenggara iaitu empayar Srivijaya telah menjadi faktor kemunculan Melaka dan akhirnya dikenali sebagai kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Di Melaka, orang India terkenal sebagai pedagang kaya-raya yang telah memperniagakan manik,sutera, dan

<sup>9</sup> Arasaratnam S., **Indians in Malaysia and Singapore**, Oxford University Press, Kusala Lumpur, 1979, hlm. 3.

<sup>10</sup> Roland Braddell, “Notes on Ancient Times in Malaya”, dalam **A Centenary, Vol. 1877-1977, Malaysian Branch Royal Asiatic Society Reprint No. 4**, Singapore, 1977, hlm. 142.

batu permata dan pada masa yang sama, menjalinkan hubungan perkahwinan dengan wanita tempatan sehingga membentuk golongan ‘India-Muslim’.

Kedudukan mereka tidak tergugat walaupun pada abad ke-16 dan 17 telah menyaksikan kedatangan orang Portugis dan Belanda. Kepentingan mereka mula tenggelam dalam arus pentadbiran orang British di Tanah Melayu dari akhir abad ke-19. British, sebagai kuasa imperialis baru telah menjajah negara India sebelum tiba ke Tanah Melayu. Penjajahan British telah mengongkong segala aktiviti rakyat India. British mula menggunakan orang India bagi mempertingkatkan kedudukan ekonomi mereka. Orang India mula dipandang sebagai kelas buruh dan bukan seperti pedagang sebelumnya. Bagaimanapun, golongan pedagang India masih wujud di Tanah Melayu.

### **Orang India di Tanah Melayu**

Pada abad ke-18, British membawa orang India ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang kopi dan tebu di Negeri-negeri Selat. Pada abad ke-19, buruh India mula membanjiri ladang-ladang getah di Malaysia. Faktor ekonomi menjadi perangsang utama bagi British untuk campurtangan di Malaya. Migrasi orang India era moden adalah sesuatu dirancang secara politik oleh British bagi menguasai ekonomi, yang jelas membantu sektor perindustrian Britain.

Sejarah kedatangan orang India selalu dikaitkan dengan perkembangan industri getah di Tanah Melayu. Orang India mula datang dan menetap secara beramai-ramai selepas getah diperkenalkan di Tanah Melayu. Majoriti orang India yang dibawa sebagai buruh adalah orang Tamil berkasta rendah ataupun digelar sebagai Adhi-Dravida. Orang

Tamil adalah golongan terbanyak yang terlibat dalam ladang getah dan diikuti oleh orang Telugu. Orang Malayalam selalunya menjadi pembantu pegawai perubatan (*dresser*), penyelia (*supervisor*) dan kerani di estet. Orang 'Chetties' adalah golongan peminjam wang manakala orang Tamil Ceylon ('Jaffna Tamils') tertumpu dalam bidang

**Jadual I: Jumlah Penduduk Estet di Malaya,  
Mengikut Komposisi Kaum, 1921-1957**

Tahun	Jumlah Penduduk estet (dalam ribu)	Peratus			
		India	Melayu	Cina	Lain-lain
1921	372	69.5	10.2	19.0	1.3
1931	424	71.7	6.7	20.2	1.4
1947	412	58.5	12.8	27.7	1.0
1957	435	52.0	19.0	28.0	1.0

Sumber: Sandhu Kernal Singh, **Indians in Malaya: some aspects of their Immigration and Settlement 1986-1957**, Cambridge University Press, 1969, hlm. 257.

**Jadual II: Jumlah Buruh Estet di Malaya,  
Mengikut Komposisi Kaum, 1921-1965**

Tahun	Jumlah Buruh Estet (dalam ribu)	Peratus			
		India	Melayu	Cina	Lain-lain
1921	279	77.8	4.9	16.4	0.9
1931	200	73.5	2.8	23.1	0.6
1947	326	50.1	20.9	28.7	0.3
1957	290	52.8	18.6	28.2	0.7
1965	283	48.5	22.6	28.7	0.2

Sumber: Sandhu Kernal Singh, **Indians in Malaya**, hlm. 257.

### Jadual III: Populasi India di Tanah Melayu, 1921-57

Orang India	1921	1931	1947	1957
Tamil	387,509	514,778	460,985	634,681
Malayali	17,190	34,898	44,339	72,971
Telugu	39,986	32,536	24,093	27,670
Lain-lain orang India Selatan	25,495	39,635	54,231	84,934
Jumlah	470,180	621,847	583,648	820,256

Sumber: Sinnappah Arasaratnam, **Indians in Malaysia and Singapore**, Oxford University Press, London, 1970, hlm. 26.

perkeranian.<sup>11</sup> Hampir 98% orang India adalah dari India Selatan dan 2% dari India Utara, iaitu orang Sikh yang bekerja sebagai polis dan tentera.<sup>12</sup> Kemasukan buruh estet dikawal rapi oleh British melalui Sistem Terikat ('Indenture System') dan sistem Kangany. Melalui kedua-dua sistem ini, buruh India dibawa secara berperingkat-peringkat kerana mudah menguruskan kepulangan mereka ke India. Pada tahun 1941, seramai 22,948 orang India tiba di Tanah Melayu dan seramai 33,231 orang India telah berangkat ke India Selatan. Keadaan ini disebabkan oleh 'Indian Legislative Assembly' telah menguatkuaskan 'Banning Emigration Act', pada tahun 1938.<sup>13</sup> Selepas tahun 1938, kerajaan India melarang buruh India ke Tanah Melayu tetapi keadaan ini tidak membawa sebarang kesan ke atas penghijrahan orang India ke Tanah Melayu. Pada tahun

<sup>11</sup> In the government offices the clerical posts were filled mainly by Jaffna Tamils since they afforded a pool of educated staff which Malaya itself lacked in the early days of Indian Immigration. Gullick, John, **Malaysia: Economic Expansion and National Unity**, Ernest Benn Ltd., London, 1981, hlm. 68.

<sup>12</sup> Sila lihat Lampiran I – Jadual Populasi orang India di Malaya 1921-57.

1940-an juga, penghijrahan buruh bebas (*independent labour immigration*) menjadi popular dan diikuti oleh buruh paksa. Ini adalah disebabkan oleh keinginan segelintir buruh India yang selesa dengan kehidupan estet dan mula menetap di Tanah Melayu. Ada di antara buruh dipaksa oleh pengusaha-pengusaha ladang getah untuk meneruskan perkhidmatannya walaupun sudah diarahkan oleh pihak kerajaan British di India.

Sejak tiba ke Tanah Melayu sebagai buruh ladang hingga sekatan yang dikenakan pada tahun 1938, orang India tidak pernah memandang serius tentang kehidupan mereka yang dirancang bagi memenuhi keperluan ekonomi British. Mereka sanggup datang ke Tanah Melayu untuk membanting tulang di ladang-ladang getah demi menyara keluarganya di India. Kesengsaraan hidup di tanahair sendiri, meyakinkan buruh India untuk bernaafas semula dengan bekerja di ladang-ladang getah. Harapan ini berkecai pada tahun 1940-an dan mereka terpaksa membuat keputusan untuk terus tinggal di Tanah Melayu ataupun pulang ke India. Pada saat-saat genting ini, mereka cuba mendapat naungan politik daripada persatuan-persatuan India yang mula bercabang pada ketika itu. Secara tidak langsung, orang India juga mula membenci British yang berkepentingan diri sendiri. Nasionalisme orang India semakin terserlah apabila gerakan anti-penjajah di negara India mula tersebar.

### **Kesedaran dan Kegiatan Politik Orang India di Tanah Melayu**

Sebelum Perang Dunia Kedua, kegiatan politik orang India di Tanah Melayu dipengaruhi oleh pergolakan politik di negara India. Hampir 90% orang India telah

---

<sup>13</sup> Netto, George, **Indian in Malaya: Historical Facts and Figures**, Singapore, 1961, hlm. 30.

mengabdikan diri mereka dalam sektor perladangan di Tanah Melayu. Mereka adalah golongan daif dan tidak berpendidikan. Kekurangan ini menjadi halangan bagi mereka untuk memahami perkembangan politik yang sedang berlaku di Tanah Melayu ataupun di India. Mereka menyedari hakikat bahawa dasar British yang hanya memerlukan perkhidmatan buruh sehingga tamat kontrak dan dihantar pulang. Sebab itu, jiwa raga orang India masih bertunjang ke arah negara India. Pengaruh politik mahupun semangat nasionalisme Tanah Melayu amat tipis dalam jiwa buruh India estet kerana mereka adalah kelompok manusia yang saban hari bergelut untuk mendapatkan sesuap rezeki dan mengumpul wang semata-mata untuk dikirim ke negara India. Mereka tidak bersedia untuk melibatkan diri dalam politik tempatan.


Hanya selepas Perang Dunia Kedua orang India mula menumpukan perhatian yang lebih serius terhadap perkembangan politik Tanah Melayu, yang mula berputih di kalangan orang India yang tinggal di bandar dan berpendidikan Inggeris. Semangat nasionalisme mereka banyak didorong oleh idealisme Mahatma Gandhi dan Nehru. Orang India mula bergabung dalam beberapa persatuan yang bersifat sosial di bandar-bandar utama Tanah Melayu. Di antaranya adalah Persatuan India Taiping (1906), Persatuan India Kinta, Persatuan India Selangor (1909) dan sebagainya. Persatuan-persatuan ini menampakkan beberapa kelemahan kerana ia hanya wujud di bandar, bersifat kedaerah dan hanya memperjuangkan kepentingan sosio ekonomi orang India Tanah MelaPada tahun 1920-an, terdapat Persatuan Dravida<sup>14</sup> yang bersifat radikal dan mendapat sambutan di kalangan buruh estet. Pertubuhan ini telah memperjuangkan reformasi sosial

---

<sup>14</sup> Muniretnam Muniandy, "Senario Politik MIC Dato Seri S. Samy Vellu", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1994/95, hlm. 2.

seperti menentang amalan kasta. Pada tahun 1925, *All-Malayan Indian Conferences* ditubuhkan bagi melindungi kelas pekerja India di Tanah Melayu.

Peta 1: Taburan Penduduk India Di Tanah Melayu, 1957



Sumber: Sandhu Kernial Singh, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, Cambridge University Press, 1969, Ilm. 2.

Mulai tahun 1930-an, beberapa wakil orang India telah menuntut perwakilan dalam Majlis Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. British mula melayani tuntutan hak politik orang India Tanah Melayu kerana penentangan yang sedang dihadapi di negara India cukup membimbangkan. Rasionalnya, pihak British mengelakkan sebarang bentuk gerakan anti-kerajaan di Tanah Melayu kerana ia secara langsung akan menjelaskan perolehan ekonomi mereka. Pada masa yang sama, British juga bersetuju untuk memberi hak politik kepada orang India berpandukan sumbangan mereka dalam menerokai hutan di Tanah Melayu untuk dijadikan ladang getah. Walaupun keuntungannya berpihak kepada British tetapi orang India adalah salah satu pihak yang bertanggungjawab untuk membangunkan Tanah Melayu. Perkembangan sektor perladangan turut membantu pembangunan infrastruktur seperti keretapi, jalanraya dan sebagainya. Memandangkan situasi-situasi yang sedia wujud, pada tahun 1928, S.N. Veerasamy dilantik ke Majlis Persekutuan.

Selepas tamat Perang Dunia Ke-II, orang India yang lahir di Tanah Melayu berhasrat untuk terus menetap di sini memandangkan kebebasan berpersatuan yang diperolehi daripada pihak British. Hasrat ini disemarakkan lagi oleh G.V. Thevar dengan menujuhkan *Malayan Indian Association*, pada tahun 1932. Keahlian hanya dibuka kepada orang India yang lahir di Tanah Melayu. Perjuangan persatuan ini adalah untuk,

*“...safeguard the interests of Malayan Indians against the immigrant Indian. Indians and membership was limited to Malayan Indians either born or domiciled in Malaya.”<sup>15</sup>*

---

<sup>15</sup> Netto, George, **Indian in Malaya**, Singapore, hlm.61.

Boleh disimpulkan orang India mula menyusun langkah-langkah untuk terus bermastautin di Tanah Melayu pada tahun 1930-an lagi.

Minat dan dorongan untuk berpolitik semakin rancak, setelah *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) ditubuhkan pada bulan Oktober 1936. Ia adalah gabungan 12 buah persatuan India dan 4 buah dewan perniagaan India.

Menurut Rajeswary Ampalavanar, penulis buku **The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-57**, tujuan utama CIAM ialah untuk memajukan dan memelihara kepentingan politik orang India di Tanah Melayu. Tidak salah sekiranya dikatakan CIAM merupakan parti politik orang India yang pertama di Tanah Melayu walaupun ia tidak segiat MIC. Presidennya, S.N. Veerasamy merupakan wakil orang India yang pertama dalam Majlis Perundangan Negara. CIAM aktif melibatkan diri dalam menuntut dan memelihara hak orang India Tanah Melayu. Ia telah menentang potongan upah oleh pihak majikan estet dan pada masa yang sama menggalakkan penubuhan kesatuan-kesatuan buruh. Perjuangan Walaupun CIAM juga adalah unuk membanteras amalan todi di estet. CIAM, sebagai parti orang India Tanah Melayu lebih bersifat tempatan tetapi masih menaruh minat dalam perjuangan politik Parti Kongres India.<sup>16</sup> Lawatan Nehru, pemimpin Parti Kongres India pada tahun 1937 telah menyemarakkan lagi semangat politik orang India di Tanah Melayu. Perjuangan orang India di Tanah Melayu masih dalam keadaan terkawal berbanding di negara India bercorak militan dan terlalu agresif. Orang India di Tanah Melayu mencari identiti politik

<sup>16</sup> Parti Kongres India diasaskan pada tahun 1885. Ia dianggotai oleh bekas pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang bersara. Parti ini mendapat restu daripada Mahatma Gandhi. Matlamat perjuangannya ialah untuk menghalau British dari India. John R. McLane, **Indian Nationalism and the Early Congress**, Princeton University Press, 1977, hlm. 3.

di negara orang lain manakala ,orang India di negara India pula,menuntut identiti politik daripada pihak penjajah.

### **Orang India di Waktu Pendudukan Jepun**

Semasa pendudukan Jepun, orang India di Tanah Melayu sedar tentang perjuangan menentang British perlu bersifat radikal atau militan. Beberapa pemimpin CIAM seperti N. Raghavan dan Dr. Lukshumeyah mula berminat terhadap *Indian Independence League* (IIL) yang ditubuhkan pada tahun 1934, di Tokyo, Jepun oleh Rash Bihari Bose.<sup>17</sup> Banyak cawangan dibuka di Pulau Pinang, Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. IIL mempunyai 95,000 ahli di India dan Tanah Melayu. Oleh kerana pihak Jepun mengeruni sifat militan IIL yang keterlaluan, maka ia mula dikawal rapi. Pada tahun 1943, Nethaji Subhas Chandra Bose telah menukuhkan *Indian National Army* (INA) di Bangkok.<sup>18</sup> Ramai orang India memasuki INA secara sukarela. Pada pertengahan tahun 1942, pimpinan IIL digabungkan dengan INA untuk membentuk kerajaan India dalam buangan bernama Azad Hind di Singapura. Gerakan kemerdekaan ini mendapat restu daripada pihak Jepun. Walau bagaimanapun, apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, British telah menahan dan menghukum penjara beberapa pemimpin seperti V.J. Somasundram, Swami Satyananda, John A. Thivy, Raghavan dan Dr. M.K. Lukshumeyah<sup>19</sup> yang aktif dalam INA. Gerakan nasionalisme semasa pendudukan Jepun, mempunyai pengertian yang besar kepada orang India di Tanah

<sup>17</sup> Netto, George, **Indians in Malaya**, hlm. 30.

<sup>18</sup> Ibid., hlm.62.

<sup>19</sup> Ibid., hlm. 63.

Melayu. Ia telah memberi peluang kepada mereka untuk bergabung (pelbagai suku bangsa dan kasta) dan menunjukkan semangat anti-penjajah. Walaupun perjuangan mereka gagal tetapi keadaan ini merupakan satu titik tolak dalam kewujudan kesedaran politik di kalangan orang India di Tanah Melayu.

Pemimpin-pemimpin CIAM yang ditahan oleh British telah dibebaskan ekoran pengharaman parti IIL dan INA. John A. Thivy dan beberapa pemimpin lain telah menu buhkan Malayan Indian Congress (MIC) pada bulan Ogos, 1946.<sup>20</sup> MIC dtubuhkan untuk memupuk dan memelihara kepentingan politik, ekonomi dan sosial kaum India di Tanah Melayu. Lawatan Nehru, pemimpin Parti Kongres (INA), pada tahun 1946 telah memberangsangkan John A. Thivy bagi mempercepatkan penubuhan MIC bagi melindungi hak dan menetapkan nasib orang India Tanah Melayu.<sup>21</sup> MIC juga telah menyekat penglibatan buruh India dalam Parti Komunis Malaya .

John Thivy,<sup>22</sup> presiden pertama MIC (1946-47), seorang Tamil-Kristian telah dilahirkan di Ipoh dan berkelulusan Undang-undang dari London. Beliau bergiat cergas dalam *Indian National Army*, pimpinan Subash Chandra Bose. Kegiatannya lebih bersifat radikal apabila mula menyokong AMCJA (*All Malayan Council Joint Action*). Beliau tertarik dengan ideologi Jepun untuk menghalau British dari Tanah Melayu. Sebagai tanda protes, beliau telah memboikot Rancangan Malayan Union dan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. MIC era John Thivy kurang mendapat sambutan kerana idea-idea radikal dan dianggotai oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Inggeris.

---

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Bacaan tentang John Thivy diperolehi daripada buku Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-57*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 168.

Beliau telah diganti dengan Budh Singh pada tahun 1947 hingga 1950. Kebanyakan orang India tergolong dalam pekerjaan buruh. Dengan anggapan sedemikian, mereka telah memilih Budh Singh yang bekerja di keretapi Tanah Melayu, pada ketika itu sebagai Presiden MIC.<sup>23</sup> Parti MIC telah menjadi parti haluan kiri kerana Budh Singh bersikap sosialis. Ideologi politik MIC agak kabur dan tidak proaktif kerana tidak bersesuaian dengan cara hidup orang India di Tanah Melayu. Kebanyakan ahli melihat Budh Singh sebagai sosialis dan bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya. Oleh kerana itu, British memilih E.E.C. Thuraisingam dari *Ceylonese Association of Malaya* untuk mewakili orang India dalam politik Tanah Melayu.

Presiden ketiga MIC ialah Ramanathan Chettiar, Setiausaha Dewan Perniagaan Chettiar Malaya.<sup>24</sup> Beliau bersifat konservatif. Walaupun bahasa ibundannya Tamil, tetapi beliau tidak berinsiatif langsung untuk menambahkan keahlian MIC dari kalangan orang Tamil. Beliau lebih menjaga kroninya dalam urusniaga peminjaman wang. Beliau sanggup bekerjasama dengan MCA dan UMNO tetapi menyertai IMP (*Independence Malayan Party*) kerana tertarik dengan prinsip perjuangan parti IMP, yang melaungkan kerjasama semua bangsa dalam satu parti. Peribadinya, yang tergolong dalam orang bermiaga, agak tidak sesuai dengan perjuangan parti MIC ketika itu.

Beliau telah diganti oleh K.L. Devaser pada tahun 1951.<sup>25</sup> Parti MIC telah bergabung dengan IMP (*Independence Malayan Party*) yang diasaskan oleh Dato Onn Jaafar. IMP melaungkan dasar kerjasama semua kaum dalam satu parti. Sebab itu, pada

---

<sup>23</sup>Muniretnam Muniandy, “Senario Politik MIC Dato Seri S. Samy Vellu”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1994/95, hlm. 17.

<sup>24</sup>Ibid., hlm. 19.

<sup>25</sup>S. Arasaratnam, **Indians in Malaysia and Singapore**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 115.

awalnya, IMP disertai oleh pemimpin MCA seperti Tan Cheng Lock dan H.S. Lee.<sup>26</sup> Tidak ketinggalan, K.L. Devaser juga turut menyertainya sehingga keputusan pilihanraya Majlis Bandaran 1952<sup>27</sup> diumumkan. Selepas menyaksikan kegagalan IMP dan kemenangan Perikatan UMNO-MCA (*National Convention*), MIC memutuskan untuk keluar daripada pakatan IMP. Ini membuktikan dasar kerjasama semua kaum dalam satu parti tidak akan menjadi kenyataan. Sir Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi Asia Tenggara, mencadangkan gabungan semua parti politik perkauman di Tanah Melayu agar boleh mempercepatkan proses kemerdekaan. Dengan itu, *National Conference* diasaskan secara rasmi pada bulan April 1953. Dato Onn telah menyertainya dan menetapkan tarikh pilihanraya pada 1955. MIC dan Persatuan Ceylonese merupakan dua pertubuhan India yang telah menyertai gabungan ini. Walau bagaimanapun Tengku enggan bersetuju dengan *National Conference* yang melambatkan tarikh pilihanraya. K.L. Devaser juga mendesak Dato Onn untuk mempercepatkan tarikh pilihanraya. Dato Onn melambatkan tarikh pilihanraya dengan alasan rakyat Tanah Melayu belum bersatupadu dan bersedia untuk mentadbir negaranya sendiri.

Apabila desakannya ditolak oleh Dato Onn, K.L. Devaser telah membuat keputusan untuk bergabung dengan Perikatan UMNO-MCA (*National Convention*), yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1953.

---

<sup>26</sup> Ramlah Adam, **Dato Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan**, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 264.

<sup>27</sup> Tengku Abdul Rahman (ed.), **Challenging Times**, Pelanduk Publications, Kuala Lumpur, hlm.219.

*National Convention* bercadang untuk menggabungkan parti-parti yang tidak menyertai *National Conference*. Ia juga mendesak pilihanraya diadakan pada tahun 1954 dan bukannya tahun 1958 seperti mana yang dikehendaki oleh *National Conference*. Situasi politik sedemikian memberi kesan kepada MIC, penyokong IMP.K.L Devaser mula hilang kepercayaan dengan IMP. MIC pula menuntut pihak British untuk mengadakan pilihanraya lebih awal seperti yang dikehendaki oleh *National Convention*. Maka, MIC bercadang untuk menyertai *National Convention* pada bulan Oktober 1953. Dengan itu, MIC mula berganding bahu dengan UMNO dan MCA bagi menghadapi pilihanraya tahun 1953. Penyertaan MIC dalam Perikatan UMNO-MCA adalah tanpa paksaan Tengku. Tengku telah memberi peluang kepada “*MIC to make up their mind whether to join us or not*”.<sup>28</sup> K.L. Devaser “*be no alternative choice*”<sup>29</sup> kerana perjuangan Perikatan UMNO-MCA adalah sesuai dengan hasratnya.

Perikatan UMNO-MCA menerima MIC sebagai rakan kongsi baru sebagai lambang sokongan padu dari semua lapisan masyarakat Tanah Melayu untuk mendapat kemerdekaan. Sikap tolak ansur yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin *National Convention* memang meyakinkan pihak British. Kesanggupan Tengku menerima keanggotaan MIC membuktikan bahawa beliau tidak hanya melihat kepada kekuatan parti malah lebih menjurus kepada kerjasama bangsa yang akan membawa kebebasan kepada Tanah Melayu. Maka, penyertaan dan kepentingan MIC dalam Perikatan tidak boleh dipertikaikan lagi.

“*When the Alliance accepted them, M.I.C. as a partner, every one was surprised. Why the M.I.C. is an organisation only in*

---

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Ibid.

*name and is a mere shadow of its past with little membership and least fund.*<sup>30</sup>

Dari tahun 1946 hingga 1955 MIC telah berfungsi sebagai persatuan orang India, yang menjaga kepentingan orang perseorangan atau kumpulan tertentu tanpa motif politik yang jelas. Peranannya yang bersungguh-sungguh terhadap orang India (khasnya buruh estet) di Tanah Melayu tidak menonjol. Pemimpin seperti K.L. Devaser telah menjadikan MIC sebagai parasit yang bergantung kepada Perikatan UMNO-MCA untuk mencapai matlamatnya. Sudah tentu MIC tidak dapat berdikari dalam perjalanan politiknya seperti UMNO dan MCA kerana masing-masing mempunyai ramai ahli dan kukuh dari segi kewangannya. Tambahan, MIC pada ketika itu tidak berusaha langsung untuk menggalakkan penyertaan orang India di estet, yang membentuk 90% jumlah penduduk orang India di Tanah Melayu. MIC hanya diwakili oleh orang India kawasan bandar yang terdiri daripada orang berpendidikan dan profesional. Keadaan kepimpinan MIC boleh digambarkan sebagai:

*"...confused and muddled by the constantly changing political alignments of the early 1950s and the growing communalism of the middle of that decade."*<sup>31</sup>

MIC yang jauh menyimpang daripada hala tujuanya telah ditentang oleh sekumpulan orang India yang benar-benar inginkan satu pertubuhan yang boleh memperjuangkan kedudukan politik mereka dalam negara yang bakal merdeka. Mereka tidak mahu melepaskan peluang ini untuk hidup tetap sebagai rakyat Tanah Melayu.

---

<sup>30</sup> Indian Daily Mail, 12 May, 1955.

Sambanthan sebagai presiden MIC kebangsaan. Selepas perlantikan beliau, hubungan MIC dengan gabungan UMNO-MCA menjadi hubungan *patron-client*. MIC, menjadi naungan di bawah payung Perikatan UMNO-MCA, sehingga setiap kali memperolehi undi orang Melayu bagi menang dalam pilihanraya umum. Kepimpinan Tun Sambanthan berterusan untuk 18 tahun dengan merakamkan banyak peristiwa pahit manis. MIC, era Tun Sambanthan “survived only through personal charisma and revolutionary zeal”.<sup>32</sup> Walaupun ada penentangan, perjuangan politik Tun Sambanthan berterusan kerana sikapnya yang lembut tetapi tegas dan kuasa autonomi dalam melaksanakan polisi parti MIC dapat mengawal kepimpinannya dalam parti dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan parti UMNO dan MCA dalam mentadbir negara.

Zaman British telah membawa titik peralihan dalam diri orang India dengan mengubah hidup mereka sebagai buruh estet. Mereka telah memperolehi negara kedua untuk mengadu nasib. Situasi inilah yang telah menyedarkan orang India tentang hak dan kepentingan berpersatuan di Tanah Melayu dan akhirnya membawa kepada kelahiran MIC. Dalam konteks inilah Tun Sambanthan dilahir dan dibesarkan. Sejak tahun 1955 hingga 1973, Tun Sambanthan telah dikenali sebagai tokoh pemimpin orang India Malaysia melalui MIC.

---

<sup>32</sup> Ibid.